

**PRU-13: Pemimpin BN jadi calon Bebas tidak jejas parti-Dr.M
Utusan Online
21 April, 2013**

ALOR SETAR 21 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sokongan ahli dan penyokong Barisan Nasional (BN) terhadap parti itu tidak akan terjejas dengan tindakan segelintir pemimpin parti yang bertanding sebagai calon Bebas pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Bekas Perdana Menteri itu berkata, ini kerana mereka mengetahui kemenangan parti lebih penting daripada individu untuk menubuhkan sebuah kerajaan bagi membela nasib rakyat.

"Ini berlaku bukan kepada BN sahaja, ada ahli parti lawan pun yang menjadi calon Bebas. Jadi ada tempat BN mungkin hilang sedikit undi dan ada tempat parti lawan akan hilang undi.

"Tetapi saya percaya orang UMNO dan BN tidak akan ikut calon Bebas. Mereka akan bagi undi mereka kepada parti kerana tahu yang bertanding itu parti. Kalau parti tak menang tiada guna," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Pentas Pemuda Bersama Calon-calon BN di Bilik Gerakan BN Parlimen Alor Setar di sini malam tadi.

Beliau mengulas mengenai keputusan beberapa ahli BN yang bertanding sebagai calon Bebas pada hari penamaan calon PRU-13 semalam.

Yang turut hadir semua calon BN bagi Parlimen ini iaitu Datuk Chor Chee Heung (Parlimen Alor Setar), Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah (DUN Bakar Bata), Loh Gim Hooi (DUN Kota Darul Aman) dan Sharifah Maznah Syed Kassim Barakbah (DUN Alor Mengkudu).

Dr. Mahathir berkata, ramai yang ingin menjadi wakil rakyat demi mendapat manfaat untuk diri sendiri sedangkan pilihan raya umum bukan soal untuk dilantik menjadi 'Yang Berhormat' tetapi sebenarnya hendak mencukupkan kerusi bagi membentuk kerajaan.

"Kalau dia seorang diri menang dia nak buat apa? Kena minta dari kerajaan juga," katanya.
- UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130421/px_06/PRU-13-Pemimpin-BN-jadi-calon-Bebas-tidak-jejas-parti---Dr-M#ixzz2ZuHm4psJ

© Utusan Melayu (M) Bhd